



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH

K@MPOI

Kedah Academic Master Plan of Intervention

Tasawwur Islam

SKEMA JAWAPAN

**SKEMA MODUL BESTARI
TING.4
(TASAWWUR ISLAM)**

**PELAJARAN 1
(ISLAM ADALAH CARA
HIDUP)
SKEMA JAWAPAN
BAHAGIAN A**

1. Al- Din
2. Ikhlas
3. Akidah
4. Harta
5. Salafusoleh
6. Qadak
7. Ihsan
8. Rukun
9. * Menjadikan Rasulullah sebagai ikutan

*Menghayati sirah perjuangan Rasulullah

*Menghayati sirah perjuangan para sahabat dan salafusoleh

*Menghayati dan melaksanakan rukun Islam, Rukun Iman dan Ihsan
10. *Mendalami ilmu asas Islam yang terdiri daripada akidah, syariah dan akhlak
11. ● Menjamin hubungan baik antara manusia
12. dengan Allah

● Merupakan kunci kejayaan di dunia dan akhirat

● Membawa kebahagiaan dalam hidup manusia
13. /
14. X

15. X
16. /

BAHAGIAN B

1. **Maksud Islam sebagai Al Din ialah:**
Islam adalah cara hidup yang lengkap merangkumi akidah, ibadah dan akhlak.
- ii. **Dua sebab manusia perlu kepada Islam:**
 - Memandu arah hidup manusia supaya mengikut syariat Islam
 - Cara hidup Islam ialah jalan untuk mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat
 - Akal manusia terbatas untuk mengetahui hakikat kebenaran sesuatu perkara
 - Islam menjadi asas tatacara perhubungan manusia untuk mencapai keharmonian hidup bermasyarakat
- iii. **Dua keburukan mengabaikan tuntutan terhadap Rukun Islam:**
 - Jiwa tidak tenteram
 - Mudah cenderung kepada perkara negatif
 - Lahir sifat kedekut dan tamak haloba
 - Golongan miskin akan terbiar
- b) **Maksud Ihsan :**
 - i. Kesungguhan dalam melakukan sesuatu ibadah dan pekerjaan semata-mata kerana Allah SWT.
 - ii. **Dua kepentingan Ihsan dalam kehidupan seorang muslim:**
 - Mengajar manusia untuk berbuat baik kepada manusia dan makhluk yang lain
 - Mewujudkan masyarakat yang harmoni
 - Merasakan Allah mengawasi dan melihat segala gerak geri manusia sepanjang masa.

- iii. Saya akan patuh kepada perintah Allah (I) kerana orang yang beriman tidak ingkar segala suruhan Allah (H). Kesannya seseorang yang mentaati perintah Allah akan mendapat ganjaran daripadanya (HL).Kesimpulannya kita hendaklah menjaga hubungan baik dengan Allah supaya menjadi hamba yang dikasihinya di dunia dan di akhirat (K).

**PELAJARAN 2
(AKIDAH MENURUT
ISLAM)
SKEMA JAWAPAN
BAHAGIAN A**

1. 99
2. berkurang
3. Al-Quran/Taurat/Zabur/Injil
4. beribadah
5. Nabi
6. Dalil aqli
7. Muhasabah
8. ghaibiyah
9. Syaitan/kiamat/mahsyar/titian sirat
10. Mahsyar/kiamat/titian sirat/syaitan
11. Al-amanah/al-fathonah
12. Al-fathonah/al-amanah
13. X
14. /
15. /
16. /

BAHAGIAN B

1. a) i. Maksud akidah ialah : keyakinan yang teguh terhadap kewujudan Allah SWT serta sifat-sifat kesempurnaan-Nya berdasarkan dalil naqli dan aqli.

ii. a. **Ketuhanan (ilahiyah)**

-mentauhidkan Allah SWT sebagai pencipta,pemilik dan penguasa serta bersifat dengan sifat kesempurnaanNya yang wajib disembah, ditaat dan tempat memohon pertolongan.

Kerasulan (nubuwwah)

-perutusan nabi dan rasul yang membawa ajaran Allah SWT untuk disampaikan kepada manusia.

b) i. **Dua pegangan akidah yang benar :**

- berasaskan tauhid.

- bertepatan dengan al-Quran dan as-Sunnah.

- berpegang dengan dalil naqli dan aqli.

Berlandaskan ilmu, iman dan amal.

- ii. Dua kepentingan amalan akidah yang menepati hukum syarak ialah:

- syarat utama amalan diterima oleh Allah SWT.

- benteng daripada perkara

syirik, khurafat dan bidaah

- tunjang kekuatan umat Islam

- beroleh rahmat dan keberkatan daripada Allah SWT.

- c) i. **Dua perkara ghaib ialah:** malaikat / syurga / neraka / titian Sirat/ kiamat.

ii. **Akibat sekiranya terdapat umat Islam yang menolak dua perkara ghaib :**

Akidah terbatal(I) kerana tidak

percaya kepada Rukun Iman(H1)

yang menjadi kewajipan bagi setiap umat Islam

(H2). Oleh itu umat Islam hendaklah memastikan semua Rukun Iman

dipercayai setiap masa (K).

PELAJARAN 3 (IBADAH MENURUT ISLAM)

SKEMA JAWAPAN

BAHAGIAN A

1. Asnaf
2. Ikhlas
3. Ibadah
4. Ibadah khusus
5. akidah
6. Iqra'
7. harta
8. soleh
9. X : belajar / bekerja
10. Y : bekerja sebagai doktor / membuat penyelidikan
11. X
12. X
13. X
14. ✓
15. ✓

BAHAGIAN B

1. a) i. **Maksud ibadah umum:**
-Semua amalan yang disyariatkan oleh Allah SWT bagi menghubungkan manusia dalam sesebuah masyarakat demi kebaikan dan keharmonian hidup bersama.

ii. **Dua konsep ibadah dalam Islam :**

-Keikhlasan menjadi asas penerimaan ibadah di sisi Allah SWT agar beroleh pahala

-Hal ini membuat mereka lebih selesa bersama -sama **(HL)**
 -Kesannya menyebabkan mereka terjebak dengan aktiviti yang sia-sia.**(HL)**
 - Oleh itu, pelajar mestilah bijak memilih kawan supaya dapat membimbing mereka ke arah kebaikan.**(K)**

PELAJARAN 5
(PRINSIP PANDANGAN
HIDUP ISLAM)
SKEMA JAWAPAN
BAHAGIAN A

1. Rabbaniyyah
2. Praktikal
3. Fitrah
4. Islam
5. Al-quran
6. Syumuliyah
7. Murunah
8. Rabbaniyyah
9. Alamiyyah
10. Alamiyyah
11. Syumuliyah
12. /
13. /
14. X

BAHAGIAN B

1. a) i. **Maksud Alamiyyah Sarwajagat:** - Islam ialah agama yang sesuai bagi semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman.

- ii. **Dua Prinsip Alamiyyah:**
 - Islam menjamin hak asasi manusia
 - Islam sentiasa menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran
 -Kedudukan manusia sebagai sebaik-baik kejadian
2. a) i. **Pengertian thabat:**
 Perkara yang tetap (qat'iyy)/ tidak boleh diubah dasar, prinsip serta pelaksanaannya menurut Islam

- ii. **Dua contoh:**
 - Hudud
 - Qisas
- b) i. **Maksud murunah :**
 Boleh berubah mengikut kesesuaian , namun masih tetap pada prinsip asasnya
- ii. **Dua kelebihan sifat murunah**
 -Menunjukkan sifat toleransi ajaran Islam yang tidak bertentangan dengan Islam
 -Menarik minat orang bukan Islam untuk memahami ajaran Islam dengan lebih mendalam
 -Islam mudah dan menyenangkan umatnya dalam urusan seharian

- c) i. **(KBAT)**
 Sebagai seorang murid Saya akan melakukan solat sunat Dhuha pada waktu rehat **(I)** supaya mudah memahami ilmu yang dipelajari **(H)**

- ii. Hidup seseorang akan resah **(I)** kerana melanggar suruhan Allah. **(H)**Kesannya dia akan jauh daripada rahmat Allah.**(HL)** Kita hendaklah menjaga ibadah khususnya solat kerana Allah SWT suka kepada Hamba-Nya yang mentaati suruhan-Nya.**(K)**

PELAJARAN 6
(FITRAH KEJADIAN
INSAN)
SKEMA JAWAPAN
BAHAGIAN A

1. Mudghah
2. Akhlak
3. Roh
4. Adam
5. Kemajuan
6. Fitrah
7. Nutfah
8. Alam Barzakh
9. Manusia / insan

Maksud Alam Roh ialah alam yang dirahsiakan oleh Allah. Roh adalah nyawa yang menyebabkan jasad hidup.

Maksud Alam Dunia ialah alam nyata yang didiami manusia.

Maksud Alam Akhirat ialah alam yang kekal abadi setelah terjadi kiamat

10. /
11. /
12. /
13. /
14. /

15. X
16. X

- Sentiasa menyedari hakikat kejadian manusia adalah untuk beribadat kepada Allah.
- Mendalami ilmu agama agar hidup lebih diberkati

**PELAJARAN 7
(TANGGUNGJAWAB
SEBAGAI HAMBAN DAN
KHALIFAH ALLAH SWT)
SKEMA JAWAPAN
BAHAGIAN A**

1. Hamba
2. Khalifah
3. Madani
4. Memelihara
5. Penyerahan diri
6. Zikrullah
7. Nahi mungkar
8. Mentaati
9. Masyarakat
10. Menyayangi
11. Mengabdikan diri kepada Allah
12. Memakmurkan bumi Allah berdasar syariat
13. Perpaduan kekal
14. Masyarakat harmoni
15. Hamba
16. Khalifah
17. /
18. X
19. /
20. X

BAHAGIAN B

1. a) i. Maksud fitrah kejadian manusia ialah naluri semulajadi manusia yang mengakui adanya Allah sebagai pencipta dan pentadbir alam.
- ii. **Dua kebaikan memerhati dan memikirkan kejadian manusia yang sempurna ialah :**
- Dapat meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah
 - Dapat menyedari kelemahan diri manusia dalam semua bidang.
- iii. **Empat proses kejadian manusia yang termaktub dalam Al-Quran:**
- Nutfah
 - Alaqah
 - Mudghah
 - Izam dan Lahm (Tulang dibalut daging)
- b) i. **Dua cara untuk menjaga fitrah kejadian manusia sebagai hamba Allah:**

- ii. **KBAT (Cadangan Jawapan)**
Sentiasa taat kepada Allah dalam setiap urusan kehidupan(I) agar mendapat keredhaan Allah(H1) seperti sentiasa memperbanyakkan zikir (H2). Ini kerana dapat melaksanakan ibadah sunat yang disukai oleh Allah (H3).Kesannya , manusia akan merasa dekat dengan Allah.(H4) Kesimpulan nya kita hendaklah berusaha melakukan amalan soleh agar hidup bahagia di dunia dan di akhirat.(K)

BAHAGIAN B

1. **Pengertian hamba:**

Manusia wajib mengabdikan diri hanya kepada Allah SWT dengan mematuhi segala suruhanya menjauhi larangannya
2. **Maksud Khalifah :**

Manusia wajib mentadbir dan memakmurkan bumi selari dengan kehendak syariat.
3. **Tiga hubungan hamba dan khalifah :**
 - Hakikat manusia sebagai hamba Allah SWT bukanlah satu penghinaan sebaliknya satu kemuliaan
 - Keistimewaan manusia sebagai hamba dan khalifah ialah anugerah dan amanah yang tidak dimiliki oleh makhluk lain
 - Hubungan hamba dengan khalifah Allah SWT dapat dijelmakan dengan konsep penyerahan diri kepada Allah SWT
4. **Dua tanggungjawab manusia terhadap Allah SWT:**
 - Menyembah Allah swt yang Maha Esa tanpa mensyirkannya
 - Mematuhi segala perintah Allah SWT serta menjauhi larangannya
 - Bersyukur atas nikmat Allah SWT
5. **Dua tanggungjawab manusia sesama manusia :**
 - menjalinkan hubungan silaturahim
 - memelihara hak sesama manusia seperti memelihara hak jiran
 - sentiasa menghormati sesama masyarakat
6. **Dua tanggungjawab manusia terhadap alam :**
 - Mentadbir dan memakmurkan alam secara terancang
 - Menggunakan sumber alam semulajadi secara bijaksana
7. **Dua kepentingan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah sudut agama:**
 - Syariat dan undang-undang Islam dapat dilaksanakan
 - Rakyat berpegang teguh dengan ajaran agama Islam yang sebenar.
 - Nilai murni dan akhlak mulia dapat dihayati dan dipraktikkan oleh masyarakat.
8. **Dua kepentingan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah sudut pendidikan:**
 - Melahirkan masyarakat madani yang bertakwa
 - Masyarakat mendapat pendidikan rohani, fizikal, mental dan emosi yang seimbang
 - Melahirkan tenaga pakar untuk mentadbir dan memakmurkan alam ini.
9. **Dua kepentingan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah sudut politik:**
 - Melahirkan pemimpin yang berintegriti
 - Kestabilan politik terjamin dan melancarkan urusan pentadbiran negara
 - Negara menjadi aman dan sejahtera
10. **Dua kepentingan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah sudut ekonomi :**
 - Ekonomi maju dan pesat
 - Pembangunan negara dapat dijalankan dengan lancar
 - Merapatkan jurang ekonomi dalam kalangan masyarakat
11. **Dua kepentingan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah sudut sosial.**
 - Perpaduan dapat dikekalkan
 - Masyarakat hidup dengan toleransi dan saling menghormati
 - Wujud keharmonian dalam masyarakat
12. **Dua punca pengabaian tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah:**
 - Syariat Islam tidak dilaksanakan
 - Mengabaikan pendidikan
 - Kelemahan urusan pentadbiran dan salah guna kuasa
 - Masyarakat bersikap malas dan memilih pekerjaan
 - Hilang sikap hormat-menghormati antara masyarakat
13. **Dua kesan pengabaian tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah :**
 - Berlaku keruntuhan akhlak dan jenayah berleluasa
 - Masyarakat akan kekurangan ilmu dan jahil
 - Hilang kepercayaan kepada pemimpin dan negara akan mundur
 - Ekonomi tidak membangun
 - Berlaku perpecahan dan diskriminasi dalam masyarakat

14. **Dua** aktiviti yang sesuai untuk merealisasikan tindakan sebagai hamba dan khalifah di muka bumi ini :
- Kempen kitar semula
 - Bengkel kemahiran dan inovasi
 - Kursus kepimpinan sekolah
 - Kem jati diri

15. i. Hukum :Haram
- ii. Cara mengatasi masalah tersebut.
Cadangan jawapan:
- Memberitahu kepada guru disiplin
 - Mengamalkan ‘Amar Makruf Nahi Mungkar dalam kehidupan
 - Sentiasa hormat menghormati sesama masyarakat

PELAJARAN 8
(PERANAN WAHYU DAN AKAL)
SKEMA JAWAPAN
BAHAGIAN A

1. Kebenaran
2. Akal
3. Wahyu
4. Ibadah
5. Akal
6. Wahyu
7. Akhlak
8. Aqidah
9. X
10. ✓
11. X
12. ✓

- 1 a) i. **BAHAGIAN B**
Maksud Wahyu :
Kalam Allah SWT yang disampaikan kepada nabi dan rasul melalui perantaraan Malaikat Jibrail a.s

- ii. **Dua sifat mustahil bagi Rasul:**
- Menyembunyikan (Kitman)
 - Berdusta (Kizbu)

- iii. **Empat ciri wahyu:**
- Datang dari Allah SWT dan kebenarannya mutlak
 - Diturunkan kepada Nabi dan rasul
 - Wahyu terhenti selepas kewafatan Rasulullah SAW
 - Kesuciannya terpelihara hingga kiamat.

- b) **Dua fungsi wahyu dalam Ibadat:**
- i.
 - Sebagai sumber utama syariat Islam.
 - Membimbing dan membetulkan tatacara beribadat
 - ii. **Dua keistimewaan al-Quran:**
 - Kandungan al-Quran benar tidak ada keraguan
 - Kandungan al-Quran kekal sehingga hari kiamat
 - iii. **Maksud akal:**
 - Keupayaan berfikir yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia untuk membezakan manusia dan haiwan.

- c) i. **Dua ciri akal:**
- Anugerah paling istimewa yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia.
 - Akal membezakan manusia dan haiwan
 - Akal sentiasa berubah dan berkembang

- ii. **Dua fungsi akal:**

- Memahami hakikat kebesaran dan kekuasaan Allah SWT
- Memahami dan membuktikan kebenaran Islam
- Memikirkan kejadian makhluk dan alam

- iii. **Dua contoh perbuatan yang merosakkan akal:**

- Penyalahgunaan bahan terlarang seperti dadah dan syabu
- Gejala negatif dan maksiat seperti membaca dan menonton bahan lucah
- Mengambil minuman dan makanan yang memabukkan

2. a) i. **Dua perbezaan antara wahyu dan akal :**

| Wahyu | Akal |
|---|-------------------------------------|
| Wahyu tidak boleh dipinda | Akal sentiasa berubah-ubah |
| Wahyu diturunkan kepada Nabi dan rasul sahaja | Akal diberikan kepada semua manusia |

- ii. **Dua kedudukan wahyu dalam menyempurnakan tanggungjawab manusia:**

- Wahyu merupakan sumber dan panduan kepada setiap manusia
- Menjadi rujukan utama dalam menentukan hukum hakam

- iii. **Dua cara memelihara akal:**

- Sentiasa menuntut ilmu
- Sentiasa membaca al-quran dan berzikir

- iv. **Dua fungsi wahyu dalam pembentukan akhlak manusia:**
- Panduan dalam pembentukan akhlak mulia
 - Menetapkan hukum-hukum praktis yang berkaitan dengan akhlak
 - Membimbing masyarakat untuk berinteraksi antara satu sama lain

- (b) i. **Dua kelebihan berpegang dengan wahyu kepada individu:**
- Membimbing dan membersihkan akhlak individu muslim
 - Dapat menjauhi segala penyakit zahir dan batin
 - Dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan

- (c) **KBAT**
- i. **Hukum : haram**

(Cadangan Jawapan)

Pada pendapat saya, mereka masih tidak lagi mengamalkan ajaran Islam yang sebenar **(I)**. seperti mengabaikan solat fardu **(H)**. Hal ini kerana solat yang berkualiti dapat menjauhkan seseorang muslim daripada perkara yang mungkar **(HL)**. Kesimpulannya, kita mestilah melaksanakan perintah Allah dengan sebaik mungkin agar dijauhkan daripada sebarang bentuk maksiat. **(K)**

PELAJARAN 9
(ASAS SISTEM SOSIAL ISLAM)
SKEMA JAWAPAN
BAHAGIAN A

1. al-quran
2. al-ijmak
3. al-sunnah
4. al-qias
5. adab

6. al-sunnah
7. taqwa
8. interaksi
9. al-ijmak
10. toleransi
11. keluarga
12. al-sunnah
13. al-qias
14. mendapatkan keredhaan Allah
15. mencapai kesejahteraan dan keharmonian hidup di dunia dan akhirat

BAHAGIAN B

1. Sistem sosial Islam ialah sistem yang mengawal dan memberi panduan berkaitan cara manusia berhubung antara satu sama lain.
2. **Tiga adab dan etika sistem sosial Islam :**
 - berpandukan al-Quran dan al-Sunnah dalam setiap aspek kehidupan
 - perhubungan atas dasar iman dan takwa kepada Allah pada setiap masa
 - mengutamakan kepentingan umum berbanding kepentingan individu dalam setiap perkara yang dilakukan
 - mengamalkan akhlak mulia pada setiap masa dan keadaan
 - menghormati kepelbagaian budaya dan adat resam dalam kehidupan bermasyarakat

3. **Dua keistimewaan sistem sosial Islam ialah:**
 - bersumberkan al-quran dan al-sunnah untuk mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat
 - menjaga hak asasi manusia yang berteraskan kepada prinsip keadilan dalam Islam
 - menjadikan keluarga sebagai asas masyarakat sejahtera melalui pendidikan dan asuhan dalam keluarga
 - membangunkan modal insan yang berilmu dan berakhlak mulia supaya dapat menjalankan amanah untuk membangunkan negara pada masa akan datang
4. Kepentingan sistem sosial islam dari sudut pendidikan ialah:
 - membangunkan sistem pendidikan holistik yang meliputi ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah
5. **KBAT (Cadangan Jawapan)**

Negara akan hancur dan musnah **(I)** kerana kehidupan rakyat menentukan masa depan sesebuah negara **(H1)**.

Hal ini kerana negara yang maju dan bertamadun bermula dari pembentukan keluarga dan masyarakat yang harmoni **(H2)** serta saling berlumba-lumba untuk mengejar kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. **(H3)** Kesannya akan lahir negara yang aman , sejahtera dan mendapat rahmat Allah. **(HL)**

Kesimpulannya, kita hendaklah saling bantu membantu dan bekerjasama antara satu sama lain sam ada rakyat atau pemimpin tanpa mengira kedudukan atau pangkat ke arah melahirkan sebuah negara yang sejahtera di dunia dan di akhirat. **(K)**

PELAJARAN 10
(SISTEM KEKELUARGAAN
MENURUT ISLAM)
SKEMA JAWAPAN
BAHAGIAN A

1. ketaatan
2. bertaqwa
3. zuriat
4. solat berjemaah
5. sunnah
6. berbakti
7. rahsia
8. isteri
9. wali
10. /
11. X
12. X
13. /
14. /
15. X

BAHAGIAN B

1. **Keluarga ialah** unit sosial yang dihubungkan/ melalui pertalian darah,perkahwinan,atau pengambilan anak angkat
2. **Dua ciri kekeluargaan Islam ialah :**

-dibina berdasarkan ketaatan kepada Allah dalam setiap aspek kehidupan

-sentiasa mengamalkan akhlak mulia dan contoh teladan yang baik pada setiap masa

-melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing masing dengan sempurna dan amanah

-sentiasa berkomunikasi secara positif dalam pergaulan seharian

-sentiasa memberi sokongan antara satu sama lain

3. **Dua peranan suami dan isteri terhadap keluarga:**

-memelihara dan mendidik anak dengan baik untuk melahirkan anak-anak yang soleh

-menghubungkan silaturrahim antara kedua dua belah keluarga

-memberi layanan mesra dan menghormati antara satu sama lain

-menunaikan hak kepada pasangan dengan adil dan amanah

-saling nasihat menasihati untuk kebaikan

-mengamalkan akhlak mulia dan bersopan dalam pergaulan sesama ahli keluarga

4. **Dua kepentingan pembinaan keluarga bahagia:**

-memenuhi naluri semula jadi manusia untuk hidup berpasangan berdasarkan lunas syarak

-memelihara diri daripada maksiat dan penyakit yang boleh memusnahkan masa depan keluarga

-membentuk masyarakat bertamadun yang berteraskan syariat Islam

-membina keluarga yang terdidik dengan nilai-nilai Islam yang sebenar

5. **KBAT**

(Cadangan Jawapan)

i) Sentiasa menjaga amanah dalam kehidupan berumahtangga

ii) Saya akan mendidik anak-anak dengan ajaran Islam dan menanamkan keimanan yang jitu kepada Allah **(I)** agar mereka sentiasa mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian. **(H1)** Kesannya, setiap ahli keluarga akan melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan penuh keimanan dan ketaqwaan..**(HL)** Kesimpulannya, kita hendaklah memastikan Islam dan iman diberi penekanan utama dalam mendidik anak-anak agar lahir keluarga yang bahagia di dunia dan sejahtera di akhirat.**(K)**

PELAJARAN 11
(PRINSIP PERGAULAN
MENURUT ISLAM)
SKEMA JAWAPAN
BAHAGIAN A

1. Pergaulan
2. Keharmonian
3. Jaminan sosial yang kukuh
4. Sifat mahmudah
5. Ikhlas
6. Benar
7. Bersangka baik
8. Penyayang
9. Menghormati/ bekerjasama
10. Bersangka baik/ bekerjasama
11. Prinsip pergaulan
12. Adab pergaulan
13. Saling mengenali
14. Saling memahami
15. Ikhlas/benar/Amanah/ penyayang/ sopan/menghormati/beke rjasama
16. Ikhlas/benar/Amanah/ penyayang/ sopan/menghormati/ bekerjasama
17. Salah
18. Betul
19. Salah
20. Salah

BAHAGIAN B

1. a) i. **Dua** asas pergaulan di dalam Islam ialah
 - Saling mengenali
 - Saling memahami
 - Saling bekerjasama

- ii. **Dua prinsip pergaulan :**
 - Berhatamati kan keimanan.
 - Berlandaskan syariat Islam.
 - Memberikan panduan berinteraksi sesama manusia berdasarkan ajaran Islam.
 - Menghormati antara satu sama lain.
- iii. **Dua adab pergaulan dalam Islam:**
 - Menjaga tutur kata supaya tidak menyakit hati orang lain.
 - Berlaku adil dan ihsan terhadap semua manusia.
 - Menghormati dan tidak menghina orang lain.
 - Bersangka baik.
 - Menjaga batasan pergaulan antara lelaki dengan perempuan.
 - ♦perutusan nabi dan rasul yang membawa ajaran Allah SWT untuk disampaikan kepada manusia.

- b) i. **Dua contoh sifat mahmudah yang diamalkan oleh Rasulullah SAW:**
 - Ikhlas.
 - Benar.
 - Amanah.
 - Penyayang.
- ii. **Cara untuk memupuk sifat mahmudah dalam kalangan masyarakat :**

Sifat di atas boleh disemai dengan menerapkan nilai-nilai murni **(1m)** seperti tolong menolong dalam kalangan jiran tetangga**(1m)**. Hal ini dapat melahirkan akhlak terpuji seperti hormat menghormati **(1m)**.Oleh itu sikap terpuji perlu di semai dari rumah lagi bagi melahirkan masyarakat yang berakhlak mulia**(1m)**.
- c) i. **Dua cara untuk memupuk sifat mahmudah:**
 - Mempelajari ilmu yang benar.

- Dilatih dan dipupuk sejak kecil.
 - mempraktikkan sifat mahmudah dalam pergaulan sesama manusia
- ii. Huraikan kepentingan prinsip pergaulan Islam:
- Memelihara kesucian dan maruah umat Islam.
 - Membentuk masyarakat yang harmoni, saling memahami dan membantu antara satu sama lain.
 - Bekerjasama dalam perkara kebaikan dan mencegah kejahatan.
 - Mengutamakan keamanan dan keharmonian.

PELAJARAN 12
HIBURAN MENURUT
ISLAM SKEMA
JAWAPAN
BAHAGIAN A

1. Nilai-nilai
2. fitrah
3. keimanan
4. ibadah
5. Menghasilkan hiburan yang selari dengan nilai akhlak Islam
6. Mengetahui batasan manusia dalam berhibur
7. Menjaga jiwa dan maruah diri

8. Bertujuan mengagungkan Allah SWT
9. Meliputi aspek iman dan akhlak
10. Berhibur selari dengan kehendak syariat
11. Membangunkan potensi umat Islam dalam seni hiburan
12. Hiburan yang boleh meningkatkan keimanan
13. Hiburan yang tidak bercanggah dengan syarak
14. Hiburan yang berteraskan nilai akhlak Islam
15. /
16. /
17. X
18. X

BAHAGIAN B

1. a) i. Hiburan ialah sesuatu perkara yang dapat menghiburkan dan mengembirakan hal seseorang yang selari dengan kehendak syarak
- ii. **Dua** konsep hiburan dalam Islam :
 - i. Bertujuan mengagungkan Allah SWT dan mendidik jiwa
 - ii. Berhibur selari dengan kehendak syariat
 - iii. Meliputi aspek iman dan akhlak

- iii. Adab dan etika ketika berhibur menurut Islam
 - Hiburan yang boleh meningkatkan keimanan
 - Hiburan yang tidak bercanggah dengan syarak
 - Hiburan yang berteraskan nilai akhlak Islam.
- b) i. Kepentingan adab dan etika berhibur menurut Islam:
 - Meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.
 - ii. Mengetahui batasan manusia dalam berhibur
 - iii. Menjaga jiwa dan maruah diri
- iii. Hukum berhibur di dalam Islam adalah **harus**. Hiburan di atas menepati kehendak syariat apabila sentiasa memelihara ibadah wajib ketika berhibur **(I)** seperti solat, puasa dan sebagainya **(H1)**. Selain itu, hiburan yang berteraskan nilai akhlak Islam **(H2)**

seperti memakai pakaian yang sopan dan menutup aurat **(H3)**. Kesannya menghasilkan hiburan yang selari dengan nilai dan akhlak Islam **(H4)** Oleh itu, kita hendaklah berhibur dengan berpandukan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Islam agar kita selamat di dunia dan di akhirat.**(K)**

PELAJARAN 13
(KESENIAN MENURUT ISLAM)
SKEMA JAWAPAN
BAHAGIAN A

1. Estetika
2. Kesenian Islam
3. keimanan
4. wajib
5. berkarya
6. akhlak
7. keindahan
8. Mengagungkan Allah SWT
9. Meliputi aspek iman dan akhlak
10. Membangun potensi umat Islam
11. X
12. ✓
13. X
14. ✓
15. X

BAHAGIAN B

1. a) i. Kesenian Islam ialah aktiviti seni atau hasil karya yang dicipta dengan menggunakan bakat dan kreativiti manusia bagi menzahirkan keindahan dan kehalusan yang menepati syarak
- ii. Estetika ialah cabang falsafah yang mengkaji konsep berkaitan keindahan, cita rasa dan lain-lain.
- iii. **Dua** kepentingan menjaga adab dan etika kesenian Islam :
 - Mengetahui batasan manusia dalam berkarya mengikut kemampuan
 - Memberi panduan dalam menghasilkan seni yang menepati nilai-nilai akhlak Islam
- iv. **Dua adab dan etika kesenian menurut Islam :**
 - Mencipta karya yang asli iaitu hasil daripada buah fikiran sendiri.
 - Sentiasa memelihara ibadah wajib ketika berkarya agar mendapat keberkatan dari Allah SWT.

- b) i. Pandangan Islam tentang kesenian :
 - Islam tidak melarang kesenian dan hanya menolak kesenian yang melanggar batasan agama dan akhlak.
- ii. **KBAT (Cadangan Jawapan)**
 - Kurang penghayatan Islam dalam kehidupan **(I)** yang mendorong seseorang individu melanggar perintah Allah SWT. **(H1)** Hal ini menyebabkan hasil kesenian yang ditonjolkan bercanggah dengan syarak.**(H2)** Contohnya melukis gambar – gambar perempuan yang mendedahkan aurat.**(H3)** Kesannya kesenian tidak dapat meningkatkan keimanan dan menunjukkan unsur yang merosakkan akhlak. **(H4)** Kesimpulannya ,kita haruslah menghasilkan karya dengan menggunakan bakat dan kreativiti bagi menzahirkan keindahan dan kehalusan yang menepati syarak.**(K)**

**SKEMA MODUL BESTARI
TING.5 (TASAWWUR ISLAM)**

**TEMA 1: SISTEM EKONOMI
DAN KEWANGAN ISLAM
PELAJARAN 1 : SISTEM
EKONOMI ISLAM**

SKEMA BAHAGIAN A

1. Ekonomi Islam
2. Ekonomi
3. Pemilikan harta
4. Pekerjaan
5. Mencegah
6. pemilikan
7. adil
8. syarak
9. Al-Qias
10. Al-Quran
11. Hak milik negara
12. Hak milik umum
13. Hak milik individu
14. Individu
15. Negara
16. Kapitalis /Komunis/
Sosial
17. Kapitalis/ Komunis/
Sosial
18. X
19. ✓
20. ✓

SKEMA BAHAGIAN B

1. (a) i. dua sumber utama sistem ekonomi islam:

- al-Quran
- Al-Hadis
- Al-Ijmak
- Al-Qias

ii. dua prinsip asas sistem ekonomi Islam:

-Akidah, syariah dan akhlak sebagai teras.

-Manusia sebagai khalifah untuk memegang amanah.

-Keadilan sosial kepada semua lapisan masyarakat

- Larangan kerosakan dan kezaliman yang boleh membawa mudharat kepada manusia dan alam sekitar.

iii. dua matlamat pemilikan harta:

-Mendapat keberkatan dan rahmat Allah SWT kerana menurut peraturan syariat.

-Menjamin keselamatan hidup di dunia dan di akhirat.

-Membangunkan ekonomi umat Islam.

-Mengelakkan daripada berlakunya penindasan dan kezaliman.

(b) i. dua kesan pekerjaan yang halal kepada individu:

- Diberkati Allah kerana mengikut syariat.
- Dihormati masyarakat kerana melakukan kerja yang buruk.

ii. Contoh jawapan KBAT

- Cara Islam menyelesaikan permasalahan ini ialah dengan memberi bantuan sumbangan barangan keperluan atau kewangan(l) melalui sumber Baitulmal, zakat dan sedekah(H1). Hal ini dapat meringankan beban masyarakat yang ditimpa musibah(H2) serta melahirkan sikap tolong-menolong(H3). Kesannya, mereka yang ditimpa musibah akan berasa gembira dan mampu untuk meneruskan kelangsungan hidup(HL). Kesimpulannya, kita sebagai umat Islam hendaklah mempunyai semangat persaudaraan yang tinggi dengan prihatin akan masalah yang dihadapi oleh saudara seagama agar kehidupan diberkati Allah SWT(K).

**PELAJARAN 2: SISTEM
KEWANGAN ISLAM**

SKEMA BAHAGIAN A

1. tatacara
2. Matlamat
3. Kerelaan
4. Adil
5. Muamalat
6. Ta'awun
7. Jizyah
8. Baitulmal
9. P
10. C
11. Al - Wadi'ah (Simpanan)
12. Al-Ijarah (Sewa–menyewa)
13. Al-Wadi'ah
14. Al-Murabahah
15. Al-Rahnu
16. X
17. ✓
18. X

19. ✓
20. ✓

SKEMA BAHAGIAN B

1. (a) i. dua jenis Muamalah:

- Jual beli dalam bentuk tolong/bantu cth (Ijarah / Rahnu / Takaful)

- Jual beli dalam bentuk kontrak cth (Murabahah/ Bai' bithaman Ajil)

- Jual beli dalam bentuk simpanan / pelaburan cth(Wadiah/ Mudarabah / Musyarakah)

ii. dua ciri muamalat Islam:

- Bersumberkan al-Quran dan al-Hadis
- Reda –meredai dalam urusan antara kedua –dua belah pihak
- Adil dan mendatangkan manfaat
- Tidak melakukan penipuan

iii. perbezaan jenis muamalat Al-Wadi'ah dan Al-Mudarabah:

| Wadi'ah | Al-Mudarabah |
|---|---|
| Simpanan pemilik dijamin dan tiada sebarang keuntungan dijanjikan | Pemodal berpotensi mendapat keuntungan yg tinggi, namun berisiko menerima kerugian yg tinggi juga |

(b) i. maksud institusi kewangan Islam:

- Badan atau agensi milik kerajaan dan swasta yg mengutip sumber-sumber kewangan dan mengagihkannya mengikut muamalat Islam.

ii. dua institusi kewangan Islam yang terdapat di Malaysia:

- Tabung Haji
- Takaful

- RHB Islamic
- Maybank Islamic
- Bank Islam

(c) i. dua jenis muamalat Islam yang bersifat taa'wun:

- Al-Rahnu
- Al-Ijarah

ii. Contoh jawapan KBAT:

Zakiah boleh memilih Al-Rahnu (I) supaya dia memperoleh wang untuk membeli keperluan dirinya.(H1) Seperti membuat al- Rahnu di Bank Islam.(H2) Oleh itu dia dapat membantu keluarganya selepas memperoleh wang tersebut.(H3)Kesimpulannya Zakiah perlu menggunakan sistem Muamalat Islam untuk menyelesaikan masalahnya.(K)

TEMA 2: SISTEM PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN ISLAM
PELAJARAN 3: SISTEM PERUNDANGAN ISLAM

SKEMA BAHAGIAN A

1. Qadha
2. Perundangan Islam
3. Fikah
4. Sumber hukum
5. Pencegahan
6. Hukum
7. Membunuh
8. Mengadili
9. Mahkamah memutuskan suami menceraikan isteri
10. Batal wuduk bersentuhan kulit antara lelaki dan perempuan ajnabi
11. Hukum harus menderma organ manusia
12. ✓
13. ✓
14. X
15. X

SKEMA BAHAGIAN B

1. (a) i. maksud perundangan Islam:

- Hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh Allah kepada manusia yang merangkumi aspek akidah, syariat, akhlak

dan sebagainya untuk kebahagiaan hidup dunia dan akhirat.

ii. dua asas sistem perundangan Islam:

- Pencegahan iaitu bertujuan mencegah perbuatan jenayah untuk memberi amaran.

- Pembalasan iaitu pembalasan yang adil untuk mengelak perasaan dendam.

(b) i. dua cara yang dapat dilakukan bagi merealisasikan Sistem Perundangan Islam dalam kehidupan:

- Mengamalkan cara hidup Islam supaya diberkati oleh Allah SWT.

- Berpegang teguh dengan peraturan Allah SWT kerana Allah SWT Maha Mengetahui perkara yang terbaik untuk manusia.

ii. dua kesan pengabaian pelaksanaan Sistem Perundangan Islam:

- Merosakkan akidah kerana berlaku perkara syirik dan kufur kepada Allah SWT.

- Mengancam keselamatan nyawa kerana berlaku jenayah bunuh.

(c) i. Hukum menerima wang suapan :

- Haram

ii. Contoh jawapan KBAT:

- Sikap tamak yang menguasai diri mereka (I) menyebabkan mereka mengeneipkan hukum Allah SWT.(H1) Kesannya mereka melakukan perbuatan yang dimurkai oleh Allah SWT.(H2) Hal ini demikian mereka sanggup untuk melakukan apa sahaja demi kepuasan diri dan mengejar harta dunia.(H3) Oleh itu, kita hendaklah patuh kepada perintah Allah SWT agar hidup diberkati olehNya.(K)

PELAJARAN 4: SISTEM KEHAKIMAN ISLAM

SKEMA BAHAGIAN A

1. Keadilan
2. Qisas
3. Minum arak
4. Takzir
5. Kehakiman/al – qadha
6. Qazaf
7. Ijtihad
8. Hudud
9. Pengakuan
10. Pembuktian
11. Takzir
12. Diat
13. ✓
14. X
15. ✓

SKEMA BAHAGIAN B

1. (a) i. Maksud kehakiman islam dari sudut syarak:

- Menyelesaikan pertikaian atau tuntutan antara dua pihak atau lebih melalui proses undang – undang berdasarkan hukum syarak.

ii. dua matlamat sistem kehakiman islam:

- menegakkan keadilan iaitu keadilan dalam islam bersifat sejagat tanpa mengira darjat,pangkat ,keturunan dan agama.

- menentang kezaliman iaitu Islam menentang sebarang bentuk kezaliman yang boleh menggugatkeimanan

- membela orang yang dizalimi iaitu sistem kehakiman islam sangat mengambil berat terhadap orang yang dizalimi demi menegak keadilan agar maruah,harta benda dan nyawa dikembalikan haknya.

iii. Empat syarat perlantikan hakim:

- islam dan beriman
- baligh dan berakal
- adil
- berilmu dan bijaksana
- sempurna pancaindera

(b) i. dua kepentingan melaksanakan Sistem Kehakiman Islam:

- Mampu menyelesaikan permasalahan manusia secara menyeluruh.
- Mewujudkan keamanan dan kesejahteraan dalam negara.

ii. dua Etika Hakim :

- Dilarang untuk menyebelahi mana-mana pihak sama ada pihak pendakwa atau tertuduh supaya wujud keadilan
- Jujur ketika bertugas seperti tidak menerima rasuah supaya kewibawaannya dihormati
- Dilarang untuk menghakimi orang yang ada kepentingan dengannya seperti kaum keluarga atau rakan supaya keputusan dibuat tepat.

iii. Contoh jawapan KBAT:

- Hakim mesti mematuhi etika dan mengikut undang – undang agar tidak berlaku penganaiyaan kepada pihak pendakwa atau tertuduh(l) dalam menjatuhkan hukuman.(H1) Kesannya sistem kehakiman dalam Negara akan berada pada tahap yang cemerlang dan dipercayai.(H2) Hal ini demikian akan wujudnya keadilan kepada semua pihak. Oleh itu, hakim mestilah dilantik dari kalangan orang yang berkelayakan agar proses undang undang dapat berjalan dengan lancar.(K)

TEMA 3: SISTEM PENTADBIRAN DAN PEMERINTAHAN ISLAM
PELAJARAN 5: SISTEM PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN ISLAM

SKEMA BAHAGIAN A

1. Umum
2. Khalifah
3. Al – sunnah/hadis
4. Piagam madinah
5. Syura
6. Asabiyah
7. Integriti
8. Pentadbiran
9. Efektif
10. Sistematis
11. Amanah /positif
12. Ikhlas/inovatif / integriti
13. X
14. ✓
15. X

SKEMA BAHAGIAN B

1. (a) i. Maksud Pentadbiran dan Pengurusan Islam:

- Pentadbiran dan pengurusan islam ialah perancangan dan pergerakan oleh sesuatu organisasi berhubung dengan kaedah ,peraturan ,tanggungjawab dan tugas dalam pengolahan sumber alam selari dengan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT di muka bumi.

ii. dua Prinsip Tadbir Urus dalam islam:

- Bersumberkan al – Quran dan hadis
- bermatlamatkan dunia dan akhirat
- Pentadbir sebagai pemegang amanah
- berasaskan keimanan kepada AllahSWT
- berteraskan nilai – nilai akhlak

iii. dua Etika Tadbir Urus Islam

- Integriti – menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan tidak menggunakan kedudukan untuk kepentingan diri
- Efektif – efisien dan konsisten dalam menghasilkan impak yang cemerlang
- Amar makruf dan nahi mungkar-membudayakan nilai murni dalam tadbir urus
- sistematik - membuat

perancangan berterusan

2. i. dua kepentingan melaksanakan tadbir urus dalam sistem pentadbiran dan pengurusan kepada individu:

- menimbulkan nilai keimanan dan ketakwaan dalam diri
- hubungan antara ketua dan orang bawahan akan lebih erat
- menjalankan urusan dengan penuh amanah dan bertanggungjawab

ii. dua cara untuk merealisasikan tadbir urus islam dalam Organisasi:

- mengadakan mesyuarat dalam segala urusan agar organisasi kemas dan teratur
- menjaga kebajikan setiap pekerja supaya nasib pekerja terbela
- memberikan kerjasama dalam menyelesaikan tugas
- memberi penghargaan kepada staf cemerlang. seperti pemberian bonus dan anugerah pekhidmatan cemerlang.

3. i. dua ciri pentadbir dan pengurus yang baik:

- Beriman iaitu melaksanakan pentadbiran dengan penuh ketakwaan dan tanggungjawab.
- Amanah iaitu menjalankan tanggungjawab dengan sebaik mungkin.
- Berwawasan iaitu mempunyai perancangan untuk memajukan organisasi pentadbirannya.
- Ikhlas iaitu melakukan pekerjaan dengan tulus dan sepuh hati.

ii. Contoh jawapan KBAT:

- Amalan rasuah akan berleluasa dalam kalangan masyarakat(l) kerana mengabaikan amanah yang dipertanggungjawabkan.(H1)

Kesannya Negara akan menjadi huru hara dan ekonomi menurun.(H2) Hal ini demikian akan mengakibatkan Negara tidak akan maju.(H3) Oleh itu, kita hendaklah sentiasa memelihara amanah yang diberikan dan menjalankan dengan penuh tulus dan jujur agar mendapat keberkatan dalam kehidupan.(K)

PELAJARAN 6: SISTEM PEMERINTAHAN ISLAM

SKEMA BAHAGIAN A

1. Negara Islam
2. syura
3. Khilafah
4. Penduduk
5. Musyawarah (al-Syura)
6. Kebebasan (al-Hurriyyah)
7. Adil
8. Persamaan (al-Musawah)
9. Hak mendapat pendidikan/ Hak mendapat perlindungan dan jaminan keselamatan/ Hak kebebasan bersuara dan memberi pendapat.
10. Hak mendapat pendidikan/ Hak mendapat perlindungan dan jaminan keselamatan/ Hak kebebasan bersuara dan memberi pendapat.
11. Melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar/ Majlis syura sebagai asas pemerintahan/ Ketua Negara yang adil dan beriman/ Jaminan kebebasan hak asasi.
12. Melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar/ Majlis syura sebagai asas pemerintahan/ Ketua Negara yang adil dan beriman/ Jaminan kebebasan hak asasi.
13. ✓
14. X
15. ✓
16. X

SKEMA BAHAGIAN B

1. (a) i. Maksud Sistem Pemerintahan Islam:

- Satu kaedah pemerintahan sebuah Negara yang ditadbir berdasarkan ajaran Islam serta melaksanakan syariat Islam.

ii. dua ciri pemerintahan Islam:

- Meletakkan Allah SWT sebagai pemegang kuasa yang

mutlak manakala manusia sebagai khalifah hanya pemegang amanah.

- Peranan umat Islam sebagai khalifah yang diamanahkan untuk memakmurkan buka bumi.

- Mengamalkan syura dalam pemerintahan berdasarkan al-Quran dan al-Hadis.

iii. dua aspek Piagam Madinah:

- Kepimpinan Negara

- Perpaduan

-Pengkiktirafan Kepelbagaian Kaum

- Keselamatan

- Jaminan Sosial

- Kebebasan mengamalkan Agama

- Penguatkuasaan undang-undang

- Hak Asasi Manusia

- Tanggungjawab

-Hubungan Luar

(b) i. Pengertian Khilafah:

- Sistem pemerintahan Islam yang dinaungi oleh seorang pemimpin Islam yang adil, taat dan patuh kepada syariat Allah SWT.

ii. dua hak rakyat dalam sesebuah Negara:

- Hak memilih khalifah

- Hak mendapat pendidikan

- Hak mendapat perlindungan dan jaminan keselamatan

- Hak mencari harta dan membelanjakannya

- Hak kebebasan bersuara dan memberi pendapat.

iii. Contoh jawapan KBAT:

Pandangan saya, Negara akan mundur dan huru hara (I) kerana tiada kerjasama daripada rakyat untuk

meningkatkan ekonomi dan memajukan Negara.(H1) Kesannya rakyat akan hidup dalam kesusahan dan kemiskinan.(H2) Hal ini demikian akan mengakibatkan imej Negara akan tercemar dimata dunia.(H3) Oleh itu kita hendaklah sama- sama berganding bahu untuk memakmurkan Negara agar rakyat hidup senang dan harmoni.(K)

(c) i. Pengertian Negara Islam:

- Negara yang mengarahkan segala urusan pemerintahan dan pentadbiran tunduk kepada hukum Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Hadis serta ijtihad yang sebenar.

ii. empat Prinsip Negara Islam:

- Musyawarah (al-Syura)

- Keadilan (al-Adalah)

- Kebebasan (al-Hurriyah)

- Persamaan (al- Musawah)

iii. dua matlamat Negara Islam:

- Menegakkan perundangan dan hukum Allah SWT.

- Memastikan kebajikan rakyat sentiasa terjamin.

- Mencapai kemakmuran demi kesejahteraan rakyat